

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.10.2016**

**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai hutang Kerajaan Persekutuan terkini yang turut meliputi jaminan dan pelbagai instruments seperti PFI dan Danainfra, pecahannya mengikut hutang dalam negeri & luar negeri, nisbahnya berbanding GDP, nisbah kadar bayaran balik hutang berbanding hasil dan nisbah defisit fiskal berbanding GDP serta apakah inisiatif terbaru untuk memperbaiki kedudukan yang meruncing ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan terkini jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan pada**

**akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM655.7 bilion atau 53.2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).** Daripada jumlah berkenaan, **95.9% atau RM628.8 bilion adalah hutang domestik (51% daripada KDNK), sementara 4.1% lagi atau RM26.9 bilion (2.2% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir.** Walau bagaimanapun, jumlah hutang ini tidak termasuk pinjaman yang diperoleh secara berasingan oleh syarikat milik Kerajaan seperti DanaInfra Nasional Berhad. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan sehingga Mac 2016 adalah sebanyak RM178 bilion atau 14.4% daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek infrastruktur seperti DanaInfra dan Prasarana yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur dan operasi pengangkutan awam. Kerajaan Persekutuan juga dari masa ke masa memberi jaminan kepada Badan Berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

3. Manakala, nisbah bayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan berbanding hasil dianggarkan sebanyak 12.5% bagi tahun 2016, kekal dibawah paras 15% yang diamalkan selama ini. Kerajaan akan memastikan obligasi bayaran khidmat hutang dalam jangka sederhana dan panjang sentiasa dilaksanakan pada kos minimum.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Selain itu, Kerajaan lebih berhati-hati dalam memberikan jaminan dan hanya memfokuskan kepada projek yang berimpak tinggi dan bermanfaat kepada rakyat. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat

menampan sebarang krisis.